

**TAHAP PENERIMAAN PENDUDUK TERHADAP PENYEDIAAN  
KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN DI BANDAR KECIL  
OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN  
Kajian Kes: Pekan Semenyih Dan Pekan Beranang,  
Hulu Langat, Selangor**

**HAFALIZA BINTI ISHAK**

**Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah**

**Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia**

**Oktober 2004**

## ABSTRAK

Kepentingan perancangan pembangunan luar bandar adalah perlu dalam mewujudkan pembangunan yang seimbang dan dapat memenuhi setiap keperluan masyarakat. Dalam menjana pembangunan kawasan luar bandar, perancangan yang menyeluruh perlu dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi kawasan pusat perkhidmatan luar bandar seperti bandar kecil agar pusat perkhidmatan ini dapat memainkan peranannya dalam menyediakan perkhidmatan di peringkat rendah. PBT adalah pihak yang bertanggungjawab untuk merancang pembangunan bandar kecil terutamanya dari segi penyediaan kemudahan dan servis. Kajian ini akan menilai tahap penerimaan penduduk terhadap penyediaan kemudahan dan servis di bandar kecil kajian (Pekan Semenyih dan Pekan Beranang) oleh Majlis Perbandaran Kajang (MPKj). Penilaian tahap penerimaan ini adalah untuk melihat sejauhmana MPKj telah memainkan peranannya dalam menyediakan kemudahan dan perkhidmatan di kawasan kajian. Dalam membuat analisis, penentuan tahap penyediaan kemudahan dan perkhidmatan oleh MPKj ditentukan menggunakan analisis skor. Hasil analisis menunjukkan, skor keberkesanan tahap penyediaan kemudahan dan perkhidmatan di Pekan Semenyih adalah lebih tinggi berbanding di Pekan Beranang. Ini jelas menunjukkan penyediaan kemudahan dan perkhidmatan oleh MPKj adalah lebih baik di kawasan bandar kecil yang mempunyai tampungan penduduk yang lebih tinggi dan mempunyai kegiatan ekonomi yang aktif. Secara keseluruhannya, keberkesanan penyediaan kemudahan dan perkhidmatan oleh MPKj di kawasan kajian adalah di tahap sederhana dan penumpuan penyediaan kemudahan dan servis oleh MPKj adalah kepada kawasan yang mempunyai lebih ramai penduduk dan mempunyai kegiatan ekonomi yang aktif. Adalah diharapkan hasil kajian ini akan di manfaatkan oleh pihak MPKj untuk meningkatkan lagi tahap keberkesanan penyediaan kemudahan dan perkhidmatan di kawasan bandar kecil.

## ABSTRACT

The importance of rural planning is to create a sustainable development and to fulfill the citizens needs. In developing rural area, a comprehensive planning should be implement by the Local Authority especially in planning small towns. Small towns is the service centre for rural/sub urban area. As a service centre, small towns has to play it roles in providing good facilities and services for local people. These facilities were provided by the Local Authority itself because in planning stage, Local Authority is required to plan all of its' administration area. Local Authority has to take the responsibility in providing the facilities in small towns so that it can fulfill the local people needs. This study will look into the local people perception based on the provided facilities and services by Local Authority. Study area that have been chosen are Pekan Semenyih and Pekan Beranang, Hulu Langat, Selangor and Local Authority involved is Majlis Perbandaran Kajang. Data for this study was collected using questionnaire and interview with Local Authority officer. Data analysis showed that, MPKj as the Local Authority for the study area has played it roles in providing the facilities and giving services. Eventhough MPKj has played it roles, but there are different stages of giving services and providing facilities between the study area. From the findings, we can conclude that in planning small towns, concentration of development by Local Authority is to develop small towns that have more population and active economy growth.